

Pentadbiran baik hasil rundingan antara pemerintah, pihak swasta, masyarakat

Buku oleh mantan ketua perkhidmatan awam Peter Ho tekankan pemerintah tidak boleh anggap ia boleh selesai setiap masalah sendiri

DALAM persekitaran yang semakin rumit, pemerintah tidak boleh menganggap bahawa ia dengan sendirinya mempunyai penyelesaian yang terbaik bagi setiap masalah.

Malah, lebih banyak rundingan dan dialog antara pemerintah, pihak swasta dan juga masyarakat harus diadakan untuk mewujudkan 'pemerintahan yang lebih menyeluruh' atau *Whole-of-Government* yang akan menentukan pentadbiran yang lebih baik pada masa akan datang.

Demikian antara intipati buku *The Challenges of Governance in a Complex World*, yang menyatukan empat ceramah oleh mantan ketua perkhidmatan awam Encik Peter Ho selaku Zamil S R Nathan bagi Pengajian Singapura di Institut Pengajian Dasar (IPS), antara April dan Mei tahun ini.

Selain isi ceramah-ceramah beliau, buku itu juga mengandungi sesi dialog yang diadakan antara beliau dengan hadirin bagi membincangkan isu berkenaan cara-cara Singapura mampu berjaya dalam dunia yang semakin rumit dan tidak menentu.

Buku Encik Ho dilancarkan semalam dalam satu acara yang diadakan di The POD di bangunan Perpustakaan Negara semalam.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Ehwal Dalam Negeri, Encik Teo Chee Hean, turut hadir selaku tamu terhormat.

Dalam ucapannya semasa acara itu, Encik Ho berkata bahawa buku tersebut merupakan usaha beliau menjawab persoalan tentang bagaimana Singapura mampu berjaya dalam dunia yang semakin pesat berubah, rumit dan tidak menentu.

"Saya percaya bahawa pemerintahan yang baik merupakan kunci utama (bagi menjawab persoalan ini).

"Ini termasuk pentingnya kepimpinan yang kukuh, perkhidmatan awam yang berkesan dan yang dapat menghasilkan perancangan yang diperlukan serta dasar jangka panjang," katanya.



CABARAN PENTADBIRAN NEGARA DIBINCANGKAN: (Dari kiri) Encik Peter Ho; DPM Teo; dan pengarah Institut Pengajian Dasar (IPS), Encik Janadas Devan yang juga Ketua Komunikasi Pemerintah di Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI), melancarkan buku 'The Challenges of Governance in a Complex World'. – Foto ZAOBAO

Namun, pada masa yang sama, cara mencari penyelesaian yang menggabungkan lebih banyak rundingan antara pemerintah, pihak swasta dan juga sektor masyarakat, diperlukan pada masa akan datang kerana pemerintah tidak dapat melakukannya sendiri.

"Pentadbiran yang baik juga harus lebih fleksibel dengan kesanggupan yang lebih tinggi untuk mencuba idea baru walaupun berhadapan dengan risiko kegagalan.

"Ini juga bermakna bahawa kita harus menguruskan risiko dengan lebih cekap dan mem-

bangunkan daya tahan untuk berani menghadapi kegagalan dan mewujudkan budaya menyelesaikan masalah, bukan tuduh-menuduh," ujarnya lagi.

Dalam ucapannya, Encik Teo pula berkongsi bahawa beliau dan Encik Ho telah mengenali satu sama lain dan kekal berhubung selama 45 tahun.

"Peter mempunyai minat yang mendalam dalam isu-isu pentadbiran dan kekal komited kepada kesejahteraan dan masa depan Singapura.

"Idea dan wawasan beliau juga penting (disebarkan) kepada masyarakat awam kerana ia memberikan penghargaan bagi cabaran yang kita hadapi dan cara menempuhnya," katanya.

Encik Teo menambah bahawa Singapura terus meraih manfaat daripada tugas dan peranan yang dipikul Encik Ho, antaranya sebagai Penasihat Kanan Pusat Masa Hadapan Strategik, Pengerusi Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA), Majlis Penyelidikan Sains Sosial dan Jawatankuasa Penggerak Pusat Superkomputer.

**BEBERAPA FAKTA
MENGENAI BUKU
ENCIK PETER HO
'THE CHALLENGES OF
GOVERNANCE IN A
COMPLEX WORLD'**

► Menggabungkan empat ceramah oleh mantan ketua perkhidmatan awam Encik Peter Ho selaku Zamil S R Nathan bagi Pengajian Singapura di Institut Pengajian Dasar (IPS) dari tempoh antara April dan Mei tahun ini.

► Membincangkan isu-isu berkenaan cabaran Singapura untuk berjaya dalam dunia yang semakin rumit dan tidak menentu.

► Mengaplikasikan sains kognitif dan kompleks untuk menerangkan bagaimana cabaran-cabaran itu timbul dan bagaimana ia boleh dihadapi.

► Membentangkan beberapa tindakan pemerintah Singapura dengan perspektif yang baru serta memberikan pandangan mengenai pentadbiran di Singapura.